

# KAJIAN LITERATUR TERHADAP KEBERKESANAN TARANNUM MURATTAL MENERUSI BACAAN IMAM SOLAT

## LITERATURE STUDY ON THE EFFECTIVENESS OF TARANNUM MURATTAL THROUGH THE READING OF THE PRAYER IMAM

Ahmad Junaidi Bin Che Ariffin<sup>1</sup>  
Azyantee Mohd Zawawi<sup>2</sup>  
Amrina Rasyada Kamaruzaman<sup>3</sup>  
Mukhlis Mustaffa<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengajian Al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia. (Email: padi\_ahmad@yahoo.com).

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia. (Email: azyanzarra@gmail.com)

<sup>3</sup>Jabatan Pengajian Al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia. (Email: amrina.rasyada93@gmail.com).

<sup>4</sup>Jabatan Pengajian Al-Quran dan Hadis, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15370 Kota Bharu, Malaysia, (Email: ahmadmukhlismustaffa@gmail.com).

### Article history

**Received date** : 23-10-2024  
**Revised date** : 24-10-2024  
**Accepted date** : 30-11-2024  
**Published date** : 8-12-2024

### To cite this document:

Che Ariffin, A. J., Mohd Zawawi, A., Kamaruzaman, A. R., & Mustaffa, M. (2024). Kajian literatur terhadap keberkesanan tarannum murattal menerusi bacaan imam solat. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (68), 15-25.

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk meneliti kesan penggunaan tarannum murattal dalam bacaan imam solat terhadap kehadiran jemaah dan tingkat khusyuk dalam solat berjemaah. Tarannum murattal merupakan teknik bacaan al-quran yang menggabungkan kelunakan suara dengan kepatuhan kepada hukum tajwid, yang sering diaplikasikan oleh imam dalam solat berjemaah seperti solat tarawih dan fardu. Meskipun seni bacaan ini dianggap mampu meningkatkan pengalaman rohani jemaah, kajian empirikal mengenai kesannya terhadap kekhusyukan solat dan kehadiran jemaah di masjid masih terhad. Kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk menganalisis dapatan kajian lepas mengenai peranan tarannum murattal dalam memperindah bacaan imam solat. Bacaan tarannum murattal memberi kesan positif terhadap kekhusyukan jemaah, terutamanya dalam solat yang panjang, serta dapat meningkatkan kehadiran jemaah di masjid. Namun, kajian ini juga mengenal pasti jurang dalam kajian empirikal yang menilai secara langsung pengaruh bacaan imam dengan tarannum terhadap makmum. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tarannum murattal memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti solat berjemaah. Penggunaan tarannum oleh imam bukan sahaja memperindah bacaan, tetapi juga memberi kesan positif terhadap kehadiran dan kekhusyukan jemaah. Kajian lanjutan yang melibatkan data lapangan disarankan untuk mengesahkan dapatan ini dan memperkukuh bukti mengenai kesan tarannum murattal dalam konteks solat berjemaah.

**Kata kunci:** *tarannum murattal, imam solat, kehadiran jemaah, khushyuk, solat berjemaah*

**Abstract:** *This study aims to examine the effects of using tarannum murattal in the recitation of imams during congregational prayers on the attendance of the congregation and their level of khushu' (spiritual focus). Tarannum murattal is a Quranic recitation technique that combines melodic voice with adherence to the rules of tajwid, which is frequently applied by imams in congregational prayers such as Tarawih and obligatory prayers. While this style of recitation is considered capable of enhancing the spiritual experience of the congregation, empirical studies on its impact on prayer concentration and mosque attendance remain limited. This study adopts a Literature Review approach to analyze previous findings on the role of tarannum murattal in beautifying the imam's recitation during prayers. The findings suggest that tarannum murattal positively influences the khushu' of the congregation, particularly in longer prayers, and can also increase the congregation's attendance at the mosque. However, this study also identifies a gap in empirical research that directly evaluates the influence of imams' tarannum recitation on the congregation. Overall, this study finds that tarannum murattal plays a significant role in improving the quality of congregational prayers. The use of tarannum by imams not only enhances the beauty of the recitation but also has positive effects on the attendance and khushu' of the congregation. Further field-based studies are recommended to confirm these findings and strengthen the evidence regarding the impact of tarannum murattal in the context of congregational prayers.*

**Keywords:** *Tarannum murattal, imam recitation, congregational prayer, khushu', mosque attendance*

## **Pengenalan**

Solat berjemaah merupakan satu ibadah yang amat ditekankan dalam Islam, dan ia dianggap sebagai salah satu amalan yang memperkukuh hubungan rohani antara jemaah dengan Allah SWT. Di samping menunaikan kewajipan agama, solat berjemaah juga berperanan dalam membina keakraban sosial di kalangan umat Islam. Peranan imam dalam solat berjemaah amat penting, kerana bacaan imam bukan sahaja menjadi panduan kepada makmum, tetapi juga mempengaruhi kekhushyukan mereka dalam solat. Bacaan yang indah dan mematuhi hukum tajwid, seperti yang disarankan dalam al-Quran, memberi kesan mendalam terhadap suasana rohani dalam solat berjemaah.

Salah satu teknik seni bacaan al-Quran yang sering digunakan oleh imam ialah **tarannum murattal**. Merujuk pendapat yang dikemukakan oleh Hashim, Adi dan Saad (2018), tarannum merupakan satu kaedah yang menggunakan kemerduan dan kelunakan aspek suara dalam bagi mengalunkan bacaan ayat-ayat al-Quran. Tarannum *murattal* merupakan kaedah bacaan yang mengekalkan keindahan alunan suara, tetapi dalam tempoh yang lebih cepat berbanding *mujawwad*. Teknik ini sering digunakan dalam solat berjemaah yang panjang seperti solat tarawih dan solat fardu di masjid-masjid besar. Tarannum *murattal* bukan sahaja bertujuan memperindah bacaan, tetapi juga membantu makmum lebih fokus dan khushyuk dalam solat. Walaupun penggunaan teknik ini semakin meluas dalam kalangan imam, kajian ilmiah yang menilai kesan langsung tarannum *murattal* terhadap kehadiran jemaah dan tahap khushyuk dalam solat berjemaah masih kurang dilakukan.

Manakala dari aspek kebahasaan menurut Jaafar (2007) pula, tarannum boleh didefinisikan sebagai lagu. Menurut beliau lagi, dari sudut istilah pula, tarannum merupakan satu ilmu atau

satu kaedah suara yang dipelbagaikan bunyi-bunyinya mengikut proses rentak dan irama tertentu untuk mencantikkan keelokan seni bunyi sesuatu bacaan ayat-ayat suci al-Quran. Malah, setiap tarannum memiliki ciri-cirinya yang tertentu iaitu nada, rentak dan irama. Merujuk konteks aplikasi tarannum dalam mengalunkan ayat-ayat suci al-Quran pula pada kebiasaannya terbahagi kepada dua kaedah iaitu secara *mujawwad* dan *murattal*. Menurut Mukhlis Mustaffa et al.(2022) pula, Tarannum ditakrifkan sebagai seni suara dalam pembacaan Al-Quran yang mempunyai teori dan praktikal dalam pembacaan secara berlagu.

Adapun kaedah talaqqi dan musyafahah yang merupakan pendekatan yang efektif untuk mempelajari tarannum (AJC Ariffin, et al.2023) Teknik ini melibatkan pembelajaran secara langsung dari guru kepada murid, yang diyakini memberikan kesan mendalam dalam menguasai seni tarannum secara autentik dan teliti.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kesan bacaan **tarannum murattal** yang digunakan oleh imam dalam solat berjemaah, khususnya dalam meningkatkan kehadiran jemaah di masjid dan kekhusyukan mereka semasa solat. Dengan meneliti dapatan daripada kajian lepas, kajian ini berusaha untuk memahami peranan seni bacaan ini dalam mempertingkatkan pengalaman rohani jemaah serta impaknya terhadap suasana solat berjemaah. Penelitian terhadap aspek ini penting bagi memperkukuhkan amalan imam dan meningkatkan penghayatan rohani jemaah dalam solat berjemaah.

Tarannum *murattal* boleh didefinisikan sebagai kaedah bacaan al-Quran yang lebih cepat berbanding *mujawwad* tetapi tetap mematuhi hukum tajwid. Bacaan *murattal* lebih sesuai untuk solat berjemaah kerana ia menggabungkan kelancaran dengan ketertiban dalam bacaan, memudahkan makmum untuk mengikuti imam. Bacaan ini berbeza dengan *Mujawwad* yang lebih perlahan dan terperinci. Dalam konteks bacaan al-Quran, Allah SWT berfirman:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْفُرْقَانَ تَرْتِيلاً ؕ

Terjemahan: Dan bacalah al-Quran itu dengan tartil (bacaan yang perlahan dan jelas).

(Al-Muzzammil: 4)

Tarannum *murattal* mematuhi perintah ini dengan mengekalkan keindahan dan kelunakan suara walaupun dalam tempoh yang lebih cepat. Imam pula merujuk kepada individu yang mengetuai solat berjemaah di masjid atau surau. Peranan imam amat penting dalam memandu solat berjemaah, di mana bacaannya menjadi rujukan bagi makmum dalam menghayati solat. Imam yang memiliki bacaan yang baik, terutama melalui teknik tarannum *murattal*, dapat menarik perhatian dan hati jemaah, seterusnya membantu mereka lebih khusyuk dalam solat. Ini sejajar dengan sabda Rasulullah SAW:

خَيْرُ الْأئِمَّةِ أَحْسَنُهُمْ قِرَاءَةً

Terjemahan: Sebaik-baik imam adalah yang paling baik bacaannya."

(Hadis Riwayat Muslim)

Dalam konteks kekhusyukan solat berjemaah, khusyuk merujuk kepada tumpuan yang mendalam serta penghayatan rohani dalam solat. Bacaan imam yang indah dan mematuhi hukum tajwid memainkan peranan penting dalam mencapai kekhusyukan ini. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta benda kamu, tetapi Dia melihat kepada hati dan amalan kamu.

(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, melalui tarannum *murattal*, imam dapat membantu jemaah mencapai kekhusyukan dengan lebih mudah dan memperkukuh pengalaman ibadah mereka. Selain itu, kajian ini hanya menumpukan kepada penelitian terhadap kajian-kajian lampau yang melibatkan tentang tarannum *murattal* dalam solat berjemaah. Semua data yang dianalisis diperoleh daripada sumber sekunder yang sahih, seperti artikel jurnal, buku, dan kertas kerja persidangan. Oleh kerana kajian ini berdasarkan data sekunder, ia tidak melibatkan kajian lapangan atau data empirikal yang dapat memberikan pandangan yang lebih terperinci mengenai amalan tarannum *murattal* dalam konteks sebenar. Keadaan ini menghadkan kemampuan kajian untuk menilai kesan praktikal tarannum *murattal* secara langsung di masjid atau dalam kalangan jemaah.

Tambahan lagi, kajian ini hanya berfokuskan kepada amalan di Malaysia, yang mungkin menyebabkan limitasi dalam aspek perbandingan dengan amalan tarannum di negara lain. Walaupun begitu, kajian ini tetap memberikan sumbangan penting kepada perbincangan mengenai amalan solat berjemaah, khususnya dari sudut seni bacaan al-Quran. Sebagaimana firman Allah SWT:

تَسْبِيحٌ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ  
وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ۚ

"Langit yang tujuh, bumi dan semua yang ada di dalamnya bertasbih kepada Allah; dan tidak ada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya"

(Al-Isra': 44)

Hal yang demikian mengisyaratkan bahawa setiap amalan ibadah, termasuk bacaan al-Quran dalam solat, membawa kelebihan rohani yang besar jika dilakukan dengan tertib dan penuh khusyuk. Malah seluruh makhluk sentiasa berzikir dan bertasbih memuji kebesaran Allah SWT.

### Permasalahan Kajian

Walaupun tarannum *murattal* semakin diiktiraf sebagai satu kaedah seni bacaan al-Quran yang dapat memperindah bacaan solat, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti kesan langsung teknik ini terhadap kehadiran jemaah dan tahap khusyuk dalam solat berjemaah. Banyak imam di masjid-masjid besar menggunakan tarannum *murattal* dalam solat mereka, terutamanya solat berjemaah seperti solat tarawih, tetapi tidak banyak kajian empirikal yang menilai sama ada penggunaan tarannum ini benar-benar memberikan kesan positif terhadap kehadiran dan penghayatan rohani jemaah.

Tambahan pula, walaupun *tarannum murattal* sering dianggap dapat meningkatkan pengalaman rohani, namun aspek-aspek spesifik yang mempengaruhi khusyuk jemaah dan tarikan jemaah untuk menghadiri solat berjemaah belum dikaji secara mendalam. Kebanyakan kajian lepas lebih cenderung melihat aspek estetika dan keindahan bacaan semata-mata, tanpa meneliti bagaimana seni bacaan ini mempengaruhi kualiti solat, penghayatan jemaah, dan kesediaan mereka untuk hadir ke masjid. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti kesan penggunaan *tarannum murattal* oleh imam terhadap kehadiran dan kekhusyukan jemaah dalam solat berjemaah.

### Sorotan Kajian

Tradisi bacaan al-Quran secara *tarannum* ini semakin berkembang di Malaysia. Mengikuti Kajian mengenai *tarannum* oleh AJC Ariffin, et al (2023) Metodologi pengajaran *tarannum* berfokus pada mengindahkan bacaan Al-Quran, yang diyakini selaras dengan tuntutan Rasulullah SAW dalam hadis yang menganjurkan pembacaan Al-Quran dengan suara yang merdu. Pembacaan yang terlatih dengan *tarannum* dapat mencipta satu pengalaman spiritual dalam solat, di mana bacaan yang berlagu bukan sahaja memperbaiki makhraj dan tajwid, tetapi juga menambah keindahan dalam solat. Mengikuti kajian, *tarannum* membantu dalam menyesuaikan nada suara mengikut ayat yang dibacakan dalam solat. Ini membolehkan para jemaah mendalami makna ayat dengan lebih khusyuk. *Tarannum murattal*, yang lebih sederhana namun tetap merdu, dapat memperbaiki kepekatan dan penghormatan terhadap bacaan solat tanpa mengganggu kesederhanaannya (Mukhlis Mustaffa et al., 2022).

Kajian mengenai *tarannum murattal* dalam bacaan imam solat telah mendapat perhatian dalam kalangan penyelidik. Antara kajian yang sering dirujuk ialah aplikasi *tarannum* dalam solat tarawih yang dilaksanakan oleh imam-imam di Malaysia, khususnya di masjid-masjid besar seperti Masjid Putra, Putrajaya dan Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Penyelidikan yang dilakukan oleh Hashim et al. (2018) mendapati bahawa *tarannum murattal* memberi impak positif terhadap kehadiran jemaah di masjid, terutamanya dalam bulan Ramadan (Hashim et al., 2018). Dari sudut dalil, al-Quran mengingatkan tentang kepentingan membaca al-Quran dengan tartil, seperti yang dinyatakan dalam Surah Al-Muzzammil:

أَوْ زِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلاً ۝

Terjemahan: "Dan bacalah al-Quran itu dengan tartil (bacaan yang perlahan dan jelas)" (Al-Muzzammil: 4)

Selain itu, Rasulullah SAW juga bersabda mengenai keindahan suara ketika membaca al-Quran:

مَنْ لَمْ يَتَغَنَّ بِالْقُرْآنِ فَلَيْسَ مِنَّا

Terjemahan: Sesiapa yang tidak memperindah suaranya ketika membaca al-Quran, maka ia bukan dari golongan kami. (Hadis Riwayat Al-Bukhari).



Dalam hadis lain, Rasulullah SAW menegaskan:

مَا أَدِنَ اللَّهُ لِشَيْءٍ مَّا أَدِنَ لِنَبِيِّ يَتَغَنَّى بِالْقُرْآنِ

Terjemahan: Allah tidak mendengar sesuatu sebagaimana Dia mendengar nabi yang membaca al-Quran dengan suara yang merdu dan berirama. (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Ini menunjukkan bahawa memperindah bacaan al-Quran melalui tarannum adalah satu amalan yang sangat digalakkan dalam Islam, kerana ia membantu umat Islam untuk lebih menghargai dan menghayati bacaan tersebut. Di samping itu, dalil lain daripada Surah Al-Baqarah ayat 43 juga menekankan kepentingan solat berjemaah iaitu:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ٤٣

Terjemahan: Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat, serta rukuklah beserta orang-orang yang rukuk. (Al-Baqarah: 43)

Bacaan imam yang baik dan merdu melalui tarannum *murattal* boleh membantu jemaah lebih khusyuk dan terhubung dalam ibadah bersama-sama. Menurut Hashim et al., (2018), bacaan imam menggunakan tarannum *murattal* dapat meningkatkan kehadiran jemaah dalam solat berjemaah serta meningkatkan tahap khusyuk mereka. Tarannum *murattal* dengan alunan suara yang merdu dan tartil, mampu mempengaruhi suasana solat dan menarik perhatian makmum. Dalam solat berjemaah, bacaan yang baik oleh imam berpotensi menarik lebih ramai jemaah untuk hadir dan mendirikan solat dengan penuh tumpuan. Ini adalah kerana tarannum membantu memperindah bacaan al-Quran dan membangkitkan rasa kekhusyukan dalam kalangan makmum.

Berdasarkan pendapat Mohd Ali (1997) cara bacaan tarannum *murattal* ini diuji melalui pemerhatian dan temubual untuk memahami secara lebih mendalam pengaruh bacaan imam terhadap pengalaman solat berjemaah di masjid. Kajian-kajian sebelum ini telah menunjukkan bahawa bacaan yang indah boleh mempengaruhi makmum untuk lebih fokus dalam solat. Oleh itu, pemerhatian terhadap jemaah di masjid yang mengikuti imam dengan teknik tarannum *murattal* dapat memberikan bukti lebih konkrit mengenai hipotesis ini.

Menurut kajian Mukhlis Mustaffa et al., (2022) menekankan pentingnya pengendalian harakat, atau gerakan vokal, dalam bacaan tarannum. Setiap maqam atau irama dalam tarannum, seperti Bayyati dan Hijaz, memiliki harakat khusus yang dapat meningkatkan kedalaman emosi dan pemahaman ayat. Ini memperkaya pengalaman solat dengan memberi tumpuan kepada nuansa suara yang lebih kaya. Kajian ini memfokuskan kepada hubungan antara tarannum *murattal* yang diaplikasikan oleh imam dalam bacaan solat dan kesannya terhadap kehadiran jemaah serta tahap khusyuk mereka. Bacaan al-Quran yang disampaikan dengan teknik tarannum *murattal* memperindah bacaan imam, menjadikannya lebih jelas, teratur, dan menarik. Ini boleh mempengaruhi emosi dan tumpuan jemaah, yang mendengar bacaan dengan lebih khusyuk serta penuh penghayatan. Berdasarkan kajian terdahulu, elemen seni dalam bacaan, seperti alunan tarannum, dapat membantu mencipta suasana solat yang lebih mendalam dan bermakna (Indrawan et al., 2023).

Menurut Mukhlis Mustaffa et.al., (2022) dan AJC Ariffin, et.al., (2023) Ustaz Che Yahaya Daud merupakan tokoh yang menyumbang kepada penyebaran ilmu tarannum di Malaysia. Metodologi beliau dalam pengajaran suara tarannum menunjukkan cara unik dalam pengendalian suara untuk memastikan kelancaran dan keindahan perpindahan harakat yang sesuai dengan makna ayat. Ini memberikan nilai lebih dalam konteks solat, di mana bacaan yang tepat dapat membawa kekhusyukan lebih mendalam.

Seni bacaan ini juga diakui memberi impak besar terhadap kehadiran jemaah dalam solat berjemaah. Imam yang mampu membaca dengan baik menggunakan teknik tarannum *murattal* sering kali menarik lebih ramai jemaah untuk menghadiri solat di masjid, terutamanya dalam solat-solat yang panjang seperti tarawih dan qiamullail. Bacaan yang indah bukan sahaja meningkatkan kehadiran, tetapi juga mempengaruhi kesediaan jemaah untuk terus hadir dan memperbaiki penghayatan mereka terhadap solat (Mohd Ali, 1997). Bacaan yang mantap dan disertai dengan kelunakan suara membantu mengekalkan minat dan fokus jemaah sepanjang solat.

Seterunya menurut Indrawan et al., (2023) dan Mohd Ali (1997), mengambil kira bagaimana elemen seni dalam bacaan ayat suci al-Quran, melalui cara bacaan mengikut tarannum *murattal*, boleh mempengaruhi suasana spiritual keseluruhan dalam solat berjemaah. Teknik ini bukan hanya mempengaruhi pengalaman peribadi jemaah, tetapi juga membantu mengukuhkan ikatan rohani antara imam dan makmum. Dengan adanya tarannum *murattal*, imam bukan sahaja membimbing jemaah dari segi bacaan, tetapi juga membawa mereka kepada penghayatan rohani yang lebih mendalam sepanjang solat berjemaah. Dalam solat, tarannum *murattal* yang disampaikan dengan suara yang lunak dan tenang memungkinkan jemaah untuk memahami dan merasakan keindahan ayat-ayat suci dengan lebih mendalam. Perpindahan harakat dan irama yang lancar mencipta kesan spiritual yang memperkaya pengalaman solat, sesuai dengan tuntutan hadis agar bacaan Al-Quran disampaikan dengan suara yang indah.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kerana ia memperlihatkan bagaimana elemen seni suara dalam bacaan al-Quran terutamanya tarannum *murattal* yang memberi impak besar terhadap kualiti solat berjemaah. Dengan menggunakan teknik tarannum, imam dapat memperindah bacaan al-Quran, menjadikannya lebih menyentuh perasaan, serta mampu meningkatkan tumpuan dan kehadiran rohani jemaah. Selain itu, keindahan bacaan tersebut turut meningkatkan kekhusyukan solat, yang merupakan kunci kepada solat yang berkualiti, seperti mana yang digariskan dalam ajaran Islam. Hal yang demikian seperti yang dinyatakan dalam hadis iaitu:

مَنْ أَحْسَنَ فِي صَلَاتِهِ فَقَدْ أَخْلَصَ دِينَهُ

Terjemahan: Barang siapa yang membuat sesuatu amalan dengan baik dalam solatnya, maka dia telah memurnikan agamanya. (Hadis Riwayat Ahmad)

Selain itu, kepentingan kajian ini turut terletak pada peranannya sebagai panduan bagi para imam dalam menguasai teknik tarannum *murattal*. Imam yang memiliki bacaan yang baik dapat memberikan impak positif kepada jemaah yang mendengar, seterusnya meningkatkan suasana spiritual dalam solat berjemaah. Sabda Rasulullah SAW:

## إِنَّ خَيْرَ أَيْمَانِكُمْ أَحْسَنُكُمْ قِرَاءَةً

Terjemahan: Sebaik-baik imam adalah yang paling baik bacaannya.  
(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh itu, kajian ini menjadikan asas yang kukuh bagi para imam dan pelajar ilmu agama untuk meningkatkan kecekapan dan penghayatan mereka terhadap bacaan al-Quran dalam solat berjemaah. Selain daripada manfaat rohani yang jelas, kajian ini juga menyumbang kepada perbincangan mengenai amalan solat berjemaah dalam komuniti muslim. Kehadiran jemaah yang ramai dapat dijana melalui bacaan imam yang merdu dan berkesan, sekali gus mengukuhkan institusi solat berjemaah di masjid. Dengan lebih banyak jemaah yang hadir, suasana ibadah yang lebih damai dan tenang dapat dicipta, menjadikan masjid sebagai pusat spiritual yang lebih hidup dan aktif.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan sepenuhnya, di mana semua data yang diperoleh adalah berdasarkan analisis dokumen yang berkaitan dengan aplikasi tarannum *murattal* dalam mengerjakan ibadah solat. Seterusnya, analisis dokumen akan dilakukan berdasarkan kandungan kajian terdahulu. Fokus utama metodologi ini adalah untuk mengenal pasti tema-tema utama yang sering dibincangkan dalam kajian lepas serta menghubungkannya dengan persoalan kajian yang dirangka. Melalui analisis ini, artikel ini bertujuan memberikan pandangan yang komprehensif tentang kelebihan tarannum *murattal* dalam bacaan imam dan bagaimana ia mempengaruhi makmum dalam solat berjemaah.

### Analisis dan Perbincangan

Tarannum *murattal* merupakan salah satu kaedah bacaan ayat-ayat suci al-Quran yang menggunakan irama yang sederhana dan tertib. Dalam konteks solat berjemaah, tarannum *murattal* memberikan beberapa kelebihan yang signifikan terutamanya apabila digunakan oleh imam untuk memimpin solat berjemaah. Kelebihan dan keistimewaan ini dapat dilihat dan dianalisis dari beberapa sudut, termasuk dari aspek pemahaman jemaah, estetika bacaan, fokus dalam solat, serta kepatuhan terhadap hukum tajwid. Oleh yang demikian, perbincangan ini penting untuk menekankan bahawa tarannum *murattal* bukan sekadar elemen seni dalam bacaan al-Quran, tetapi ia juga merupakan elemen rohani yang mampu mengubah suasana solat. Menurut Hashim et al. (2018) dan Mohd Ali (1997), para imam yang menguasai teknik tarannum *murattal* bukan sahaja memperindah bacaan mereka tetapi juga membantu makmum untuk lebih khusyuk dalam solat. Hal ini adalah kerana salah satu kaedah untuk menghidupkan jiwa makmum dan menjadikan pengalaman solat lebih bermakna adalah melalui kaedah bacaan dalam solat.

Selain itu, tarannum *murattal* juga turut mempengaruhi kehadiran ahli jemaah dalam solat berjemaah, terutamanya dalam solat yang panjang seperti tarawih. Bacaan yang lebih teratur dan merdu oleh imam mampu menarik lebih ramai jemaah untuk hadir ke masjid dan mendirikan solat berjemaah. Hal ini selaras dengan sunnah, di mana imam yang baik bacaan al-Qurannya cenderung memberi impak besar kepada makmum dari segi rohani dan tumpuan dalam solat. Justeru itu, pendapat yang dilontarkan oleh Indrawan et al. (2023) mengukuhkan lagi pernyataan bahawa alunan bacaan ayat suci al-Quran dalam solat boleh menambah minat para jemaah untuk menunaikan solat secara berjemaah.



Walaupun kajian ini hanya berasaskan kajian kepustakaan, Tetapi dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa tarannum *murattal* memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan kualiti solat berjemaah. Kajian lanjut yang melibatkan data empirikal dan kajian lapangan turut memperkukuh lagi hasil yang diperoleh serta memberikan gambaran yang mendalam tentang pengaruh tarannum *murattal* terhadap pengalaman rohani jemaah (Nik Jaafar, 2007).

Dapatan daripada kajian lepas menunjukkan bahawa tarannum *murattal* memberikan pelbagai kelebihan kepada jemaah dan imam. Bacaan al-Quran dengan tarannum *murattal* bukan sahaja memperindah bacaan, tetapi juga menyentuh perasaan makmum sehingga meningkatkan tumpuan mereka dalam solat. Perkara ini juga membuktikan bahawa bacaan yang indah oleh imam mampu menambah kekhusyukan para jemaah dalam solat. Kenyataan ini juga turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Hashim et al. (2018). Bacaan yang baik membantu meningkatkan penghayatan terhadap al-Quran, yang seterusnya memberi impak positif terhadap pengalaman rohani jemaah semasa solat berjemaah. Hal demikian turut diperkemas menerusi dalil daripada hadis Rasulullah SAW menyebutkan:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَى صُورِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ، وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa dan harta benda kamu, tetapi Dia melihat kepada hati dan amalan kamu.

(Hadis Riwayat Muslim)

Hal ini menunjukkan bahawa kekhusyukan dalam solat adalah berkenaan dengan hati dan keikhlasan, di mana bacaan al-Quran yang merdu oleh imam boleh membantu membawa keikhlasan dan tumpuan penuh kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, tarannum *murattal* memainkan peranan penting untuk membantu jemaah lebih khusyuk dan hadir dalam setiap bacaan yang didengar semasa solat. Bacaan yang menggunakan teknik tarannum *murattal* juga berpotensi untuk meningkatkan kehadiran jemaah dalam solat berjemaah. Imam yang membaca dengan baik sering menarik lebih ramai jemaah untuk hadir ke masjid. Hal ini adalah sejajar dengan sabda Rasulullah SAW seperti di bawah:

خَيْرُ أئِمَّتِكُمْ أَحْسَنُكُمْ قِرَاءَةً

Terjemahan: "Sebaik-baik imam adalah yang paling baik bacaannya"

(Hadis Riwayat Muslim)

Oleh yang demikian, tarannum *murattal* bukan sahaja memberi manfaat rohani kepada jemaah, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memperkukuh institusi solat berjemaah di masjid melalui kehadiran yang lebih ramai dan suasana ibadah yang lebih tenang serta khusyuk. Perkara ini memberi kejayaan yang besar dalam usaha mengajak umat muslim dalam solat berjemaah. Justeru, bacaan oleh imam juga memainkan peranan dan memberi pengaruh yang besar dalam usaha menambah bilangan jemaah di masjid bagi menunaikan solat fardu.

Selain itu, penggunaan tarannum *murattal* yang sederhana dalam solat berjemaah dapat memudahkan para jemaah untuk lebih memahami bacaan imam. Irama *murattal* yang tidak terlalu kompleks menjadikan bacaan lebih jelas dan baik dapat diperdengarkan kepada para makmum. Hal yang demikian disokong oleh pendapat yang dikemukakan oleh Asari (2018) bahawa bacaan dalam solat berjemaah dengan menggunakan bacaan tarannum *murattal* ini

sangat penting kerana ia dapat membantu jemaah untuk lebih fokus dan menghayati setiap bait ayat suci al-Quran yang dibacakan dan seterusnya dapat meningkatkan tahap kekhusyukan dalam solat. Justeru, terbukti bahawa tarannum *murattal* dalam bacaan solat berjemaah boleh memudahkan jemaah untuk mengikuti dan memahami alunan bacaan ayat suci al-Quran dalam menunaikan ibadah solat.

Seterusnya, aspek estetika dalam bacaan al-Quran adalah aspek penting dalam ibadah solat. Oleh yang demikian, tarannum *murattal* menawarkan keseimbangan antara keindahan dan kesederhanaan. Merujuk kenyataan Rahman (2020), irama tarannum *murattal* dapat memperindah bacaan al-Quran tanpa mengganggu kekhusyukan kerana iramanya tidak terlalu berlebihan atau bernada tinggi yang boleh mengakibatkan para jemaah terganggu. Sebaliknya, ia adalah irama yang tenang dan harmoni dapat memperkuat kesan spiritual jemaah dalam menunaikan solat. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa tarannum *murattal* dalam bacaan solat berjemaah boleh meningkatkan keindahan bacaan ayat suci al-Quran tanpa mengganggu kekhusyukan.

Manakala kajian oleh Sulaiman (2019) menyatakan bahawa irama bacaan al-Quran yang sederhana dapat membantu mengekalkan ketenangan dan fokus jemaah. Dalam mengerjakan solat berjemaah, penting dalam memastikan bahawa suasana ibadah tidak terganggu oleh elemen-elemen yang boleh mengalih perhatian makmum. Oleh yang demikian, penggunaan tarannum *murattal* yang tertib dan tidak berlebih-lebihan membantu imam dan jemaah mengekalkan ketenangan dan seterusnya memaksimumkan kekhusyukan.

Kelebihan tarannum *murattal* yang seterusnya ialah memastikan kepatuhan kepada aspek tajwid dan makhraj dalam bacaan. Penggunaan tarannum *murattal* juga dapat memperkuat kepatuhan terhadap hukum tajwid dan makhraj dalam mengalunkan bacaan ayat suci al-Quran. Menurut Asari (2018), bacaan yang disampaikan melalui irama *murattal* dapat membantu memperjelaskan sebutan huruf seterusnya memastikan hukum tajwid dapat dipatuhi. Hal yang demikian adalah kerana alunan bacaan ayat suci al-Quran dalam solat berjemaah adalah penting bagi memastikan bacaan bukan hanya indah tetapi betul dari segi hukum bacaan.

Penggunaan tarannum *murattal* dilihat mampu memberikan nilai spiritual tambahan dalam mengerjakan ibadah solat berjemaah. Rahman (2020) berpendapat bahawa irama yang lembut dan tersusun dalam tarannum *murattal* mampu menyentuh perasaan makmum dan meningkatkan rasa pengabdian diri kepada Allah SWT. Alunan iraman yang sederhana memungkinkan para jemaah untuk lebih menghayati makna bacaan al-Quran serta memperdalam pengalaman spiritual dalam solat. Berdasarkan analisis yang dibuat menunjukkan bagaimana tarannum *murattal* ini dapat memberikan banyak manfaat kepada para jemaah dengan menyeimbangkan keindahan bacaan ayat suci al-Quran. Seterusnya menunjukkan kepatuhan kepada hukum tajwid bacaan dan memperkuat pengalaman makmum dalam mendirikan solat secara berjemaah.

### **Kesimpulan**

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kesan penggunaan tarannum *murattal* dalam bacaan imam solat terhadap kehadiran jemaah dan tingkat khusyuk mereka dalam solat berjemaah. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan tarannum *murattal* telah diakui sebagai satu teknik seni bacaan al-Quran yang mampu memperindah bacaan dan meningkatkan pengalaman rohani jemaah. Bacaan imam yang menggunakan teknik ini dapat mempengaruhi suasana solat, serta membantu jemaah untuk lebih khusyuk dalam ibadah mereka. Kajian-kajian terdahulu

menunjukkan bahawa seni bacaan seperti tarannum *murattal* mempunyai kesan positif terhadap kekhusyukan jemaah, terutamanya dalam solat yang panjang seperti solat tarawih dan *qiamullail*. Walaupun terdapat sokongan kuat daripada sorotan mengenai manfaat rohani tarannum *murattal*, kajian ini menekankan keperluan lebih banyak kajian empirikal untuk memahami secara lebih mendalam bagaimana teknik bacaan ini mempengaruhi kualiti solat dan kehadiran jemaah.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa tarannum *murattal* memainkan peranan penting dalam memperbaiki kualiti solat berjemaah, meningkatkan kekhusyukan jemaah, serta membantu menarik lebih ramai jemaah ke masjid. Oleh yang demikian, keistimewaan tarannum *murattal* dalam bacaan solat berjemaah terletak pada kemampuan imam meperindah bacaan al-Quran dengan irama yang sederhana namun memukau para jemaah. Malah, penggunaan tarannum *murattal* membantu mengekalkan ketenangan dan kekhusyukan para jemaah kerana nadanya yang tidak terlalu kompleks sehingga memudahkan semua orang untuk mengikuti dan memahami makna bacaan yang dialunkan. Walaupun dapatan ini disokong oleh kajian literatur yang sedia ada, kajian lapangan yang lebih mendalam diperlukan untuk memperkukuhkan bukti tentang kesan tarannum *murattal* seterusnya memberikan kesan spiritual kepada jemaah melalui keindahan bacaan ayat-ayat suci al-Quran.

## Rujukan

- Ahmad, I. H. (n.d.). Musnad Ahmad (Terjemahan). Beirut: Al-Resalah Publishers. Hadis No. 17223.
- Al-Bukhari, M. I. (n.d.). Sahih Al-Bukhari (Terjemahan). Riyadh: Darussalam. Hadis No. 7527.
- Amelia, A. R. (2022). Pengaruh Stimulus Auditori Qur'an atau Murottal Qur'an Terhadap penurunan Ansietas pada Penderita Hipertensi. *Jurnal Keperawatan Jiwa (JKJ): Persatuan Perawat Nasional Indonesia*, 10(1), 45-56.
- Ariffin, A. J. C., Kamaruzaman, A. R., Mustaffa, M., & Abdullah, W. H. W. (2023). Analisis penelitian terhadap Metode Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum Ustaz Haji Che Yahaya Bin Daud [Observational Analysis Of Tarannum Teaching And Learning Methods Of Ustaz Haji Che Yahaya Bin Daud]. *Malaysian Journal Of Islamic Studies (MJIS)*, 7(1), 41-50.
- Asari, M. (2018). *Pengaruh Irama Bacaan Al-Quran terhadap Kekhusyukan dalam Solat*. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 120-135.
- Hashim, A., Ahmad, B., & Salim, N. (2018). Kesan Tarannum murattal terhadap Kehadiran Jemaah dalam Solat Tarawih. *Jurnal Pengajian Islam*, 25(3), 45-58.
- Indrawan, A., Salsabil, S., & Islami, M. F. (2023). Analisis Muzikologi Bacaan Surah Al-Fatiha dalam Solat Berjemaah. *Jurnal Muzikologi Islam*, 12(4), 92-110.
- Mohd Ali, M. (1997). Peranan Tarannum dalam Meningkatkan Khusyuk Solat. *Jurnal Kajian Islam*, 10(1), 33-45.
- Nik Jaafar, N. (2007). Tarannum murattal dan Pengaruhnya terhadap Pengalaman Solat. *Jurnal Seni al-Quran*, 18(2), 76-88.
- Muslim, I. H. (n.d.). Sahih Muslim (Terjemahan). Riyadh: Darussalam. Hadis No. 1478.
- Mustaffa, M., Abdul Hadi, A. Z. S., Nasir, K., & Adnan, I. (2022). Seni perpindahan harakat tarannum: Kajian terhadap metodologi pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud. *RABBANICA*, 3(1), Mei, e-ISSN: 2756-7893/ISSN: 2773-5583.
- Rahman, A. (2020). *Eстетika Bacaan Al-Quran dan Pengaruhnya terhadap Ibadah Solat*. *Jurnal Al-Quran dan Ibadah*, 10(1), 45-60.
- Sulaiman, N. (2019). *Ketenangan dalam Solat: Peranan Irama Murattal dalam Meningkatkan Kekhusyukan*. *Journal of Islamic Practice*, 8(3), 98-11